

C. Pilih ayat atau ayat-ayat yang betul.

1. I Buku teks Bahasa Melayu kamu itu masih ada pada aku di dalam keadaan baik.
II Mereka selalu berbincang tentang masalah semasa apabila bertemu di kantin.
III Kakak bertanya masalah matematik itu daripada abang yang pulang semalam.
IV Kami terpesona dengan pantai yang bersih di perkampungan nelayan itu.
A II dan III B II, III dan IV C I, II dan III D I, II, III dan IV
2. I Tolong berikan buku latihan ini kepada kawan kamu sebelum beredar dari sini.
II Berdasarkan laporan polis, berita itu tidak betul sama sekali dan benar palsu.
III Hujan turun lebat pagi tadi sehingga banyak murid tidak dapat hadir sekolah.
IV Pergi dari sini sekarang dan jangan datang lagi selagi kamu belum menghafalnya.
A I dan IV B I, II dan IV C I, II dan III D II, III dan IV
3. I Saya berjanji akan taat dan sayangkan negara ini pada setiap masa dalam hidup ini.
II Beliaulah penghulu yang dilantik di atas sokongan padu daripada seluruh penduduk.
III Beliau terharu dengan sokongan yang diberikan semasa memimpin persatuan tersebut.
IV Masalah itu akan mereka bincangkan dari semasa ke semasa demi manfaat bersama.
A III sahaja B III dan IV C II, III dan IV D I, II dan IV
4. I Emak mahu hadiahkan sebuah basikal baharu kepada adik jika lulus dengan cemerlang.
II Kamil memujuk semula kawannya agar tidak keluar daripada kumpulan muzik itu.
III Bilakah engkau akan meluangkan masa untuk berkunjung ke kampung kelahiranku?
IV Beberapa ekor ikan kelihatan pada permukaan air di sungai itu akibat keracunan.
A I dan III B III dan IV C II, III dan IV D II, III dan IV
5. I Terpesona oleh kami akan pantai yang memutih di sekeliling kampung nelayan itu.
II Buku di atas meja itu daripada guru kita untuk kamu agar dibuat pembetulan.
III Untuk berjaya dalam pelajaran, kalian harus amalkan sikap saling bekerjasama.
IV Di sinilah saya dilahirkan dan di sini jugalah saya dibesarkan oleh ibu bapa saya.
A II dan III B I, II dan IV C II, III dan IV D I, II, III dan IV
6. I Selain daripada melancong, saya gemar membaca untuk mengisi masa lapang.
II Mereka sering berbincang terhadap masalah yang berlaku dalam pelajaran.
III Di manakah letaknya kedai tomyam yang terkenal benar di bandar ini?
IV Usah memijak rumput di sini kerana baru sahaja ditanam kelmarin.
A III sahaja B II dan IV C I, II dan III D II, III dan IV
7. I Masukkan buku-buku latihan itu ke dalam kotak yang disediakan di situ.
II Kebanyakan bunga yang dijual di kedai itu cantik dan murah-murah harganya.
III Sila kembalikan kerusi yang anda duduk di tempat asalnya setelah anda gunakan.
IV Iklan itu pernah saya tonton ketika belajar di universiti dua tahun setengah yang lalu.
A II dan III B I dan III C II dan IV D I, III dan IV